



## JABATAN MUFTI SARAWAK

Aras 15, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Jalan P. Ramlee, 93400 Kuching, SARAWAK

Telefon : +60 82-507500 (Talian Am)  
: +60 82-507728 (Pejabat Pengarah)  
Faks : +60 82-507200/507300  
E-mel : pejabatmufti@sarawak.gov.my  
Portal Rasmi : <https://muftinegeri.sarawak.gov.my>

### HEBAHAN FENOMENA GERHANA BULAN PENUH TAHUN 1447H/2026M

Pada bulan Ramadhan kali ini, Malaysia akan mengalami fenomena gerhana bulan penuh pada 3 Mac 2026 bersamaan 13 Ramadhan 1447 (Selasa) seperti fasa berikut:-

Fasa	Jam
Gerhana Bulan Penumbra Bermula	4.44 petang
Gerhana Bulan Separa Bermula	5.50 petang
Gerhana Bulan Penuh Bermula	7.04 malam
<b>Gerhana Bulan Penuh Maksima</b>	<b>7.33 malam</b>
Gerhana Bulan Penuh Tamat	8.02 malam
Gerhana Bulan Separa Tamat	9.17 malam
Gerhana Bulan Penumbra Tamat	10.23 malam

Umat Islam disunatkan untuk menunaikan Solat Sunat Khusuf (gerhana bulan) serta memperbanyakkan zikir, bersedekah dan berdoa sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah *Subhanallahu wata'ala*.

Umat Islam di Sarawak disarankan untuk melaksanakan solat sunat khusuf bermula selepas solat Maghrib di zon masing-masing sehingga jam 9.17 malam.

Jabatan Mufti Sarawak menyeru semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau di seluruh Sarawak melaksanakan Solat Sunat Khusuf dan khutbah gerhana bulan serta menjemput ahli kariah masing-masing untuk hadir bagi melaksanakan tuntutan ibadah ini.

Semoga Allah *Subhanallahu wata'ala* merahmati kita semua.

**"PROFESIONAL DAN BERHIKMAH"**  
**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**


**(HAJI AHMAD SUKARNO BIN HAJI SAINI)**  
Pengarah  
Jabatan Mufti Sarawak

## GERHANA BULAN TANDA KEBESARAN ALLAH *SUBHANAHU WATA'ALA*

Bulan merupakan satelit semula jadi Bumi yang beredar mengelilingi Bumi. Begitu juga dengan beberapa planet lain dalam sistem suria mempunyai sejumlah satelit. Peredaran Bulan mengelilingi Bumi mencetuskan pelbagai fenomena astronomi, antaranya fasa Bulan dan gerhana.

Gerhana merujuk kepada fenomena astronomi yang berlaku apabila cahaya sesuatu objek terhalang oleh objek lain. Gerhana Bulan berlaku apabila cahaya Matahari ketika fasa Bulan purnama terhalang sampai ke permukaan Bulan.

Pergerakan Bumi mengelilingi Matahari mewujudkan dua kawasan bayang, iaitu kawasan bayang pusat (*umbra*) dan bayang luar (*penumbra*). Kawasan bayang ini mengunjur sejauh 1.4 juta kilometer dari Bumi. Dalam keadaan fasa Bulan purnama biasa, Bulan berada di sebelah luar kawasan bayang ini. Sebaliknya apabila Bulan purnama memasuki kawasan bayang tersebut, gerhana Bulan berlaku.



Rajah 1: Kedudukan Matahari, Bumi dan Bulan ketika Gerhana Bulan

Fenomena gerhana bukanlah berlaku secara kebetulan, sebaliknya merupakan sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan Allah *Subhanahu wata'ala*. Daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

... إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَنْخَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمُ ذَلِكَ

فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا ...


**Maksudnya:** "...Sesungguhnya Matahari dan Bulan adalah dua tanda daripada segala tanda keesaan dan kebesaran Allah *Subhanahu wata'ala*. Tidaklah berlaku gerhana disebabkan kerana mati atau hidupnya seseorang (sebaliknya) jika kalian

*melihat gerhana, maka perbanyaklah berdoa kepada Allah Subhanahu wata'ala, bertakbirlah, dirikanlah solat dan bersedekahlah..."*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 1044)

Gerhana Bulan terbahagi kepada tiga jenis iaitu Gerhana Bulan Penumbra, Gerhana Bulan Separa dan Gerhana Bulan Penuh. Gerhana Bulan Penumbra berlaku apabila keseluruhan permukaan Bulan berada dalam kawasan penumbra, menyebabkan warna Bulan kelihatan sedikit suram. Gerhana Bulan Separa pula berlaku apabila sebahagian Bulan memasuki kawasan umbra sehingga sebahagian permukaannya terhalang daripada cahaya Matahari. Seterusnya, Gerhana Bulan Penuh terjadi apabila keseluruhan permukaan Bulan berada tepat dalam kawasan umbra.

Pada bulan Ramadhan tahun ini, Malaysia bakal menyaksikan Gerhana Bulan Penuh pada 3 Mac 2026 bersamaan 13 Ramadhan 1447 (Selasa), dengan waktu kemuncaknya pada jam 7.33 malam. Umat Islam digalakkan untuk menunaikan solat sunat gerhana serta memperbanyakkan zikir, bersedekah dan berdoa sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah *Subhanallahu wata'ala*. Umat Islam boleh melaksanakan solat sunat gerhana Bulan bermula waktu Maghrib sehingga jam 9.17 malam.



Rajah 2: Keadaan Bulan ketika masuk bayang Penumbra dan Umbra pada 3 Mac 2026 (Selasa)

# Kaifiat Solat Sunat GERHANA BULAN

Apabila berlakunya gerhana, umat Islam dituntut untuk menunaikan Solat Gerhana dan hukumnya adalah Sunat Muakkad.

Daripada Abdullah bin Umar r.a. bahawa dia memberitakan daripada Rasulullah SAW sabdanya:

## Peraksanaan Solat Gerhana Bulan

1. Disunatkan mandi sebelum Solat Gerhana.
2. Boleh dilaksanakan ketika mula berlakunya gerhana sehingga gerhana tamat.
3. Tiada iqamah, sekadar ucapan:  
الصلاة جامعة
4. Sunat menyaringkan suara pada bacaan al-Fatihah dan surah pilihan.
5. Sunat membaca khutbah selepas solat, walaupun gerhana telah berakhir.

## Lafaz Niat Solat Sunat Gerhana Bulan

أصلي سنة الخسوف  
رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat kerana Allah Taala."



Sila imbas kod QR untuk info lebih menarik

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، وَلَكِنَّهُمَا آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهَا فَصَلُّوا

Maksudnya: "Sesungguhnya Matahari dan Bulan tidak akan gerhana kerana kematian seseorang kamu atau kehidupannya, akan tetapi keduanya itu adalah tanda-tanda kebesaran Allah Ta'ala, maka jika kamu menyaksikan gerhananya hendaklah kamu bersolat."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3201)

### Rakaat Pertama



### Rakaat Kedua



**“PERISTIWA GERHANA BULAN**  
**SUATU PERINGATAN DARIPADA ALLAH”**  
**(3 MAC 2026 BERSAMAAN 13 RAMADHAN 1447)**

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَىٰ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.  
قَالَ تَعَالَىٰ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ  
وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

**Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Saya berpesan dengan diri saya dan juga para jemaah sekalian agar kita benar-benar bertakwa kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dengan menjunjung segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga dengan itu kehidupan kita sentiasa di bawah lindungan Allah *Subhanahu wata'ala*.

**Sidang Jemaah Yang di Rahmati Allah,**

Sebagai umat Islam kita mestilah percaya dengan penuh yakin bahawa Allah *Subhanahu wata'ala* Maha Berkuasa, pentadbir seluruh alam. Segala peredaran cakerawala, bumi, bulan, matahari dan seumpamanya adalah di bawah kekuasaan Allah *Subhanahu*

*wata'ala* yang Maha Berkuasa menggerakkannya. Peredaran bulan dan matahari yang teratur setiap hari secara berganti-ganti adalah atas kudrat dan iradat Allah *Subhanahu wata'ala* dan ianya mempunyai hikmat dan tujuan tersendiri.

Pada hari ini kita diperlihatkan dengan kuasa Allah *Subhanahu wata'ala* yang Maha Agung iaitu kejadian Gerhana Bulan Penuh. Peristiwa gerhana bulan adalah merupakan kejadian ketika bumi berada di tengah-tengah di antara matahari dan bulan. Apabila gerhana bulan berlaku, cahaya bulan akan berubah menjadi kemerahan secara perlahan sehingga bulan telah melepasi bumi dan peredaran ini hanya berlaku pada sesuatu masa yang tertentu.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Peristiwa gerhana bulan adalah satu daripada kejadian alam yang memperlihatkan kebijaksanaan pencipta-Nya dan menjadi iktibar kepada sekalian manusia. Gerhana itu ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu keagungan dan kebesaran tuhan yang berlaku pada matahari dan bulan. Kejadian ini adalah suatu perkara yang sangat mudah bagi Allah *Subhanahu wata'ala* melakukannya.

Setiap perubahan yang berlaku terhadap cakerawala mengandungi hikmah yang tersendiri. Begitu juga perubahan yang berlaku kepada matahari dan bulan, sudah pastinya mengandungi hikmah yang tertentu, antaranya memberi peringatan agar hamba-Nya tidak melampaui batas dan sentiasa bermuhasabah.

Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

*“Bahawasanya matahari dan bulan itu menjadi tanda kedua-duanya daripada tanda kekuasaan Allah Subhanahu wata’ala. Allah menakutkan hamba-hamba-Nya dengan perubahan matahari dan bulan. Dan bahawasanya matahari dan bulan itu tidak berlaku gerhana kedua-duanya disebabkan kematian seseorang dari kalangan manusia. Maka apabila kamu melihat berlakunya sesuatu (gerhana matahari atau bulan), maka solatlah kamu (solat sunat gerhana) dan berdoalah kepada Allah sehingga cahaya matahari atau bulan tersingkap semula bagi kamu”.* (Riwayat Al-Bukhari).

Sesungguhnya gerhana bulan yang berlaku merupakan peringatan Allah *Subhanahu wata’ala* tentang hari kiamat dan peristiwa ini juga menunjukkan kekuasaan Allah *Subhanahu wata’ala* ke atas alam ini.

Oleh itu apabila berlaku gerhana ini, kita dianjurkan supaya bersegera untuk melakukan perkara-perkara kebajikan seperti melakukan solat, berdoa, berzikir, bertakbir, bersedekah dan beristighfar serta menghindari diri daripada melakukan perkara-perkara mungkar kepada Allah *Subhanahu wata’ala*.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,**

Kita tidak pasti bilakah ajal kita, sedang kita belum lagi membuat persiapan dan persediaan yang sewajarnya dalam menghadapi hari tersebut. Oleh itu, pada saat ini marilah kita menginsafi diri kita agar sentiasa bertaubat kepada Allah *Subhanahu wata’ala* dari segala kesalahan dan kesilapan serta menyesali segala kemungkaran dan kemaksiatan yang telah kita lakukan. Sekiranya ada di antara kita

sebelum ini yang lalai dan ingkar terhadap perintah Allah *Subhanahu wata'ala*, maka marilah kita kembali ke pangkal jalan dengan melakukan amal kebajikan dan berdoa memohon keampunan kepada Allah *Subhanahu wata'ala* sebagaimana firman-Nya dalam surah Ali-Imran ayat 133:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ ۖ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ

لِلْمُتَّقِينَ

Bermaksud: “*Dan bersegeralah kamu kepada mendapat keampunan daripada Tuhan-mu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang yang bertakwa.*”

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengharapkan agar kejadian gerhana bulan ini akan menimbulkan keinsafan, kesedaran dan menguatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Marilah sama-sama kita berdoa kepada Allah *Subhanahu wata'ala* semoga gerhana yang berlaku ini tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada manusia, alam sekitar, tumbuh-tumbuhan serta kehidupan di dunia ini.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## (KHUTBAH KEDUA)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ  
وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ.

فَقَالَ تَعَالَى:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ يُرْسِلَ الرِّيحَ مُبَشِّرَاتٍ ۖ وَلِيُذِيقَكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَلِتَجْرِيَ  
الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

**Maksud:** “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya, bahawa ia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan; dan untuk merasakan kamu sedikit dari rahmat-Nya, dan supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintah-Nya, dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya; dan seterusnya supaya kamu bersyukur.

## **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Saya berpesan dengan diri saya dan juga sekalian yang hadir supaya kita benar-benar bertakwa kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dan menjunjung segala perintah-Nya dan menjauhi akan segala larangan-Nya semoga dengan itu hidup kita di bawah lindungan Allah *Subhanahu wata'ala*.

## **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Pada hari ini kita berhimpun dan berkumpul dengan penuh harapan agar doa, rayuan dan taubat kita diterima oleh Allah *Subhanahu wata'ala*. Semua peristiwa dan kejadian yang berlaku di alam dunia ini mempunyai rahsia dan hikmah sama ada yang jelas mahupun yang bersembunyi. Ini bersesuaian dengan firman Allah *Subhanahu wata'ala* di dalam surah Ali 'Imran ayat 190:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

Bermaksud: “*Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berakal.*”

Oleh itu, marilah kita mengambil iktibar dan pengajaran daripada tanda-tanda kekuasaan Allah *Subhanahu wata'ala* dalam peristiwa gerhana ini dengan menyempurnakan tuntutan Islam dan iman serta menghayati ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan.

اللَّهُمَّ اغْفِرِ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ۝

*“Ya Allah ampunkanlah sekalian muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat samada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia”.*

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ وَيَا كَاشِفَ الْوَبَاءِ، إِصْرِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ  
وَالْأَمْرَاضَ وَالْأَسْقَامَ وَالْفِتْنَ وَالْمِحْنَ، وَأَزِلَّ عَنَّا وَعَنْهُمْ الشُّكُوكَ وَالْأَوْهَامَ  
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ،

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ،  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارَكَ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ  
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**Disediakan oleh:**

**JABATAN MUFTI SARAWAK**